

PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN MCA KE-43

DEWAN SAN CHOON, WISMA MCA, KUALA LUMPUR, 6 JULAI 1996

Saya ucap terima kasih kepada Jawatankuasa Pusat Parti MCA kerana menjemput saya sekali lagi untuk merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-43 hari ini.

2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Dr. Ling Leong Sik yang telah menang tanpa bertanding sebagai Presiden dan Yang Berhormat Dato Lim Ah Lek yang menang tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden. Ucapan tahniah juga kepada calon-calon CWC (Central Working Committee) lain yang telah menang tanpa bertanding.

3. Perhimpunan kali ini amat penting kerana negara kita sedang di ambang pembangunan yang pesat dan kita sudah pun melancar dan memulakan Rancangan Malaysia Ketujuh. Rancangan pembangunan negara lima tahun ini dirangka sebegitu rupa agar rakyat kita dapat menghadapi cabaran-cabaran yang jauh lebih rumit menjelang abad ke-21.

4. Rancangan ini lebih merupakan pendekatan bagi menyediakan rakyat kita dengan pelbagai ilmu dan kecekapan untuk meningkatkan tahap kemajuan negara terutama dalam sektor perindustrian. Oleh itu, penekanan diberikan terhadap pembangunan sumber manusia agar tenaga kerja yang kita lahirkan kelak adalah yang berkualiti dan produktif. Bagaimanapun, kejayaan rancangan ini banyak bergantung kepada sambutan rakyat khususnya pekerja-pekerja kita sendiri. Kecekapan hendaklah disertai dengan semangat ingin menjayakan diri dan negara. Tanpa semangat bekerja yang kuat, kecekapan tidak akan mendatangkan apa-apa pulangan.

5. Langkah meningkatkan kecekapan dan kemahiran tenaga manusia kita menjadi perlu kerana kita ingin kurangkan penggunaan tenaga buruh kasar yang upahnya tidak mungkin naik lagi memandangkan kos buruh kita sudah lebih tinggi daripada kos tenaga buruh kasar di negara-negara yang bersaing dengan kita. Lagi pun kita sekarang kekurangan tenaga pekerja. Sebaliknya jika pekerja kita lebih cekap kita akan dapat kurangkan bilangan pekerja, menggunakan robot dan otomasi dan membayar upah yang lebih tinggi kepada pekerja kita.

6. Hasrat Kerajaan ialah supaya pekerja Malaysia mendapat pendapatan yang tinggi kerana kegigihan dan kecekapan mereka. Pendapatan yang tinggi kerana peluang kerja melebihi bilangan pekerja adalah tidak sihat, kerana barangan keluaran kita akan lebih mahal dan tidak dapat bersaing dalam pasaran dunia. Jika ini berlaku ekonomi kita akan merosot.

7. Kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh bergantung kepada kerjasama dan tindakan seluruh rakyat daripada semua kaum. Kita harus sedar dan insaf Rancangan ini bertujuan membawa kemajuan dan kemakmuran kepada semua warganegara kita. Ia bukannya untuk kepentingan kaum-kaum tertentu sahaja.

8. Sejak negara kita mencapai kemerdekaan, segala rancangan yang diusahakan Kerajaan membawa kemajuan dan kejayaan kerana ia jelas memberikan manfaat kepada semua rakyat. Walaupun Dasar Ekonomi Baru bertujuan meningkatkan bahagian Bumiputera dalam ekonomi negara, tetapi ia tidak menjejaskan pertumbuhan ekonomi kaum-kaum lain. Sebenarnya ekonomi kaum lain juga tumbuh dengan pesatnya.

9. Demikian juga Dasar Pembangunan Nasional. Tidak ada mana-mana kaum yang rugi kerananya. Namun ia berjaya mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Di waktu yang sama ekonomi negara tumbuh dengan pesatnya sehingga mencatat rekod dalam sejarah negara membangun dan juga negara maju. Ini berbeza dengan percubaan negara-negara lain untuk menyusun semula ekonomi yang kebanyakannya bukan sahaja gagal tetapi menimbulkan banyak masalah sosial.

10. Jika kita teliti laporan berkenaan syarikat-syarikat di Malaysia kita akan dapati hampir semuanya mencatat kenaikan keuntungan tahun demi tahun. Nilai modal juga bertambah kerana permintaan dalam pasaran saham. Hari ini hampir 150 syarikat termasuk dalam kumpulan yang mempunyai nilai modal pasaran melebihi satu billion.

11. Dalam pada itu banyak syarikat Malaysia yang bergiat di negara-negara lain. Mereka melabur dalam berbagai-bagai perniagaan dan industri dengan jayanya. Banyak negara menjemput syarikat-syarikat Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi mereka dan penswastaan agensi-agensi Kerajaan mereka. Jika dahulu kita terpaksa menghantar rombongan ke negara-negara maju untuk menarik pelaburan asing dan bergantung kepada kontraktor asing untuk projek-projek besar dalam negara kita, hari ini negara-negara lain pula yang menghantar rombongan untuk menarik pelaburan kita, dan kontraktor kita sudah mengambil bahagian dalam projek-projek besar di negara-negara lain. Bahkan syarikat-syarikat di negara maju pun sudah mempunyai penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dan kadang-kadang diambilalih oleh syarikat kita.

12. Kedudukan negara kita sudah jauh berubah. Malaysia sudah tidak lagi menjadi negara yang tidak siapa kenal, bahkan di mana-mana juga Malaysia dan rakyat Malaysia terkenal.

13. Semua ini adalah bukti bahawa dasar-dasar Kerajaan tepat dan kena pada masanya. Sudah tentu dasar ekonomi kita, yang

diasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru dan sekarang ini dengan Dasar Pembangunan Nasional, yang disertai dengan konsep Persyarikatan Malaysia dan Penswastaan; semuanya berjaya membangunkan ekonomi negara kita. Lebih daripada itu dasar-dasar ini tidak menyebabkan kaum-kaum kita bermusuh dan memburukkan keadaan politik kita.

14. Dasar-dasar ini dapat dibentuk kerana kerjasama di antara parti-parti komponen Barisan Nasional, terutamanya di antara UMNO dan MCA. Saya ingin memperingati semua ahli MCA, terutama golongan muda bahawa kerjasama antara parti dan antara kaum ini bermula dengan ikatan antara MCA Kuala Lumpur dengan UMNO Kuala Lumpur pada tahun 1951. Daripada kerjasama yang kecil inilah terbentuk Perikatan atau Alliance yang hari ini menjadi gergasi politik yang dinamakan Barisan Nasional, satu gabungan empat belas buah parti. Tahun ini genap 45 tahun penjalinan kerjasama di antara MCA dan UMNO. Kerjasama ini melalui banyak cabaran dan krisis. Tetapi kerana adanya pemikiran yang waras, adanya 'common sense', baik di kalangan pemimpin mahupun di kalangan ahli-ahli kedua-dua buah parti pengasas Alliance ini, semua krisis dan ketegangan dapat diatasi. Setiap kali kita mengatasi masalah perhubungan di antara MCA dan UMNO, ikatan kita menjadi lebih rapat dan lebih kuat.

15. Tidak syak lagi bahawa ikatan dan kerjasama di antara MCA dan UMNO menjadi tunjang kepada kekuatan Barisan Nasional. Kesefahaman di antara UMNO dan MCA dan kepercayaan di antara dua buah parti ini mencapai puncaknya apabila UMNO diharamkan pada tahun 1987-88 dan MCA mengetuai Barisan Nasional. Walaupun masa MCA mengetuai Barisan Nasional adalah singkat, tetapi ia mempunyai penuh makna. Di masa yang sama kerana UMNO memberi kepercayaan kepada MCA, parti-parti lain juga tidak mempertikaikan kepimpinan MCA. Dengan ini krisis UMNO tidak menjejaskan kewibawaan Barisan Nasional dan negara kita terus stabil dan politiknya dapat dipulih semula.

16. Kerana ianya tidak berlaku maka kita tidak terfikir akan kemungkinannya. Tetapi jika krisis seperti UMNO ini berlaku di negara lain, rebutan kuasa tetap akan berlaku dan pentadbiran negara akan menjadi kucar-kacir. Tetapi di Malaysia, kerana perkongsian yang matang di antara UMNO dan MCA dan juga parti-parti lain dalam Barisan Nasional, krisis UMNO dapat diatasi tanpa pergelutan politik.

17. Saya menyebutkan perkara-perkara ini, terutamanya kerjasama UMNO-MCA untuk memperingati kita semua tentang peranan MCA dalam politik negara. Ramai juga orang Cina, terutama daripada golongan muda yang tidak begitu puas hati dengan kesederhanaan MCA dan kesanggupannya untuk bekerjasama dengan UMNO. Ramai orang Cina, terutama di bandar-bandar yang menuntut supaya MCA lebih 'chauvinistic', dan menuntut hak

orang Cina dalam bidang ekonomi dan pelajaran tanpa mempedulikan keamanan politik negara. Mereka ini terlalu sempit pemikiran mereka dan tidak mahu mengakui pengorbanan yang dibuat oleh UMNO dan orang Melayu juga. Justeru itu, mereka sering menyokong parti lawan yang bersikap perkauman yang tebal dan suka membaca berita-berita kononnya hak orang Cina tidak mendapat layanan yang sewajarnya.

18. Saya ingin memperingati bahawa jika UMNO dan MCA tidak sederhana dan tidak bekerjasama, politik negara akan menjadi tegang dan ekonomi akan merosot. Akhirnya tidak ada sesiapa pun yang beruntung. Lihatlah keadaan di negara lain, di mana sikap keterlaluan mempengaruhi politik, tidak ada kemajuan ekonomi yang dicapai. Sebaliknya ekonomi hancur dan semua pihak tidak memperoleh apa-apa.

19. Dasar ekonomi dan dasar pelajaran yang kita amalkan adalah adil dan baik untuk semua pihak. Di Malaysia pelajaran dalam bahasa ibunda, penggunaan bahasa dan tulisan sendiri dibenarkan asalkan Bahasa Kebangsaan diberi tempat yang sewajarnya. Di negara lain ingin saya menarik perhatian, bukan sahaja pelajaran dalam bahasa ibunda tidak dibenarkan tetapi nama pun perlu ditukar.

20. Pada masa ini terdengar banyak sebutan tentang Melayu Baru. UMNO dan Kerajaan telah berusaha menukar budaya atau 'values system' orang Melayu dan Bumiputera lain supaya mereka lebih yakin kepada diri sendiri, lebih sanggup bersaing atau 'compete' dalam bidang ekonomi dan sosial tanpa terlalu bergantung kepada Kerajaan.

21. Orang Cina Malaysia juga perlu kepada pembaharuan untuk 'meet the Malays and other Bumiputeras halfway'. Saya tidak hendak mencadangkan apakah pembaharuan yang perlu dibuat. Saya yakin bahawa 'sociologists' di kalangan orang Cina ramai dan mereka mampu mengkaji dan mencadangkan pembaharuan yang perlu dibuat supaya kerjasama di antara MCA dan UMNO, orang Cina dan orang Melayu, menjadi lebih rapat dan lebih berkesan lagi. Dengan itu dapatlah dikurangkan kemungkinan tumpuan perhatian dibuat kepada yang negatif dengan melupakan perkara-perkara yang positif yang begitu banyak dinikmati oleh 'Malaysian Chinese'.

22. Pepatah Inggeris berkata 'count your blessings'. Apabila kita hitungkan nasib baik kita, maka kita akan rasa lebih tenang. Orang Melayu juga digesa supaya menghitung nikmat yang mereka dapati. Dengan kedua-dua pihak berbuat demikian maka negara kita akan terus stabil dan terus maju. Dan kemajuan ini tetap akan dinikmati, dikecapi, dirasakan oleh semua kaum.

23. Sekali lagi ingin saya memperingati sejarah kerjasama UMNO dan MCA dan hasil yang gemilang yang datang daripadanya. Dengan memperingati sejarah ini kita akan lebih berhati-hati dalam memelihara perhubungan itu dan mengelak daripada membangkitkan perkara-perkara yang kontroversil yang hanya meretakkan hubungan yang kuat ini.

24. Dasar-dasar Kerajaan Barisan Nasional adalah untuk semua kaum. Buktinya ialah kestabilan politik dan kemajuan ekonomi yang luar biasa yang terdapat di negara ini. Justeru itu berilah sokongan yang penuh kepada Kerajaan yang disertai dan dipimpin oleh wakil daripada semua kaum.

25. Yakinlah semua pihak akan memperolehi keuntungan yang besar daripadanya.

26. Dengan harapan bahawa masyarakat Cina Malaysia akan terus mendokong Barisan Nasional demi keadilan, keamanan, kemajuan dan kesejahteraan semua kaum di tahun-tahun akan datang, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA ke-43 bagi tahun ini.